



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, OKTOBER 2021

Pengangguran menurun kepada kadar terendah sejak April 2020 dengan merekodkan 4.3 peratus pada Oktober 2021

PUTRAJAYA, 8 Disember 2021 – Pengangguran menurun kepada kadar terendah sejak April 2020 dengan merekodkan 4.3 peratus pada Oktober 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Oktober 2021. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “Pembukaan semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial & rekreasi secara berterusan telah mendorong kedudukan tenaga buruh untuk kekal stabil pada Oktober 2021. Ini digambarkan oleh bilangan guna tenaga yang lebih tinggi pada bulan tersebut manakala pengangguran merekodkan trend penurunan. Pada Oktober 2021, sebahagian besar negeri telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Nasional (PPN) dengan peningkatan kadar vaksinasi keseluruhan, manakala bilangan kes harian COVID-19 menunjukkan tanda pengurangan. Perkembangan yang baik ini telah membawa kepada pembukaan semula aktiviti ekonomi termasuk kebenaran perjalanan rentas negeri. Di samping itu, lebih banyak destinasi pelancongan domestik telah dibuka kepada individu yang lengkap vaksinasi, sekaligus menggalakkan lebih banyak aktiviti perjalanan dan pelancongan domestik pada bulan tersebut.”

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan berkata, “Selaras dengan itu, trend peningkatan penduduk bekerja berterusan pada bulan Oktober 2021 dengan mencatatkan pertambahan sebanyak 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 15.55 juta orang (September 2021: 15.46 juta orang) dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 65.8 peratus (September 2021: 65.5%). Sementara itu, bilangan penganggur terus berkurangan sebanyak 3.4 peratus merekodkan 705.0 ribu orang penganggur (September 2021: 729.6 ribu orang). Walaupun bilangan penganggur berada dalam trend penurunan, secara relatifnya ia masih lebih tinggi berbanding tempoh pra-pandemik. Pengangguran pada bulan Oktober 2021 menurun kepada kadar terendah sejak April 2020 dengan merekodkan 4.3 peratus (September 2021: 4.5%; April 2020: 5.0%; Mac 2020: 3.9%). Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada Oktober 2021 meningkat sebanyak 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 16.26 juta orang (September 2021: 16.19 juta orang) dengan kadar

penyertaan tenaga buruh terus meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 68.8 peratus (September 2021: 68.6%).”

Dari segi guna tenaga mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan. Begitu juga, guna tenaga dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan kekal positif untuk bulan ketiga manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & Pengkuarian masih dalam trend penurunan.

Dari segi taraf pekerjaan, kategori pekerja yang merangkumi 77.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja mengekalkan pertumbuhan positif pada Oktober 2021 iaitu sebanyak 0.4 peratus kepada 11.97 juta orang (September 2021: 11.93 juta orang). Begitu juga dengan kategori penduduk bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil serta pekebun kecil, meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 2.61 juta orang (September 2021: 2.57 juta orang). Perubahan bulan ke bulan yang lebih baik bagi kedua-dua kategori pekerjaan ini mencerminkan impak positif pembukaan semula aktiviti ekonomi dan penarikan balik sekatan perjalanan rentas negeri pada bulan tersebut.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada Oktober 2021, beliau berkata, “Daripada keseluruhan bilangan penganggur pada bulan tersebut, 83.6 peratus adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kumpulan ini merekodkan penurunan sebanyak 3.5 peratus kepada 589.5 ribu orang (September 2021: 611.0 ribu orang). Dari segi tempoh pengangguran, kumpulan yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 55.5 peratus manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah sebanyak 7.8 peratus. Bagi penganggur tidak aktif yang percaya tiada pekerjaan tersedia, ia menurun sebanyak 2.7 peratus bulan ke bulan kepada 115.4 ribu orang (September 2021: 118.7 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun kekal pada 13.9 peratus bagi bulan ketiga, manakala kadar pengangguran bagi belia yang berumur 15 hingga 30 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 mata peratus bulan ke bulan kepada 8.1 peratus pada Oktober 2021 (September 2021: 8.5%).”


Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan luar tenaga buruh berkurang sebanyak 0.6 peratus kepada 7.36 juta orang (September 2021: 7.41 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh bersekolah/ latihan yang merangkumi 42.6 peratus dan diikuti dengan kategori kerja rumah/ tanggungjawab keluarga dengan peratus sumbangan sebanyak 40.7 peratus.

Merumuskan keseluruhan kedudukan tenaga buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pelaksanaan PPN telah mempercepatkan proses vaksinasi dalam kalangan penduduk Malaysia. Selaras dengan itu juga, sebahagian besar negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN, sekaligus membolehkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial &

rekreasi beroperasi semula. Seterusnya, pelonggaran sekatan perjalanan rentas negeri dijangka akan memberi kesan positif terhadap industri berkaitan pelancongan domestik bagi meningkatkan kembali momentum perniagaan termasuk aktiviti kesenian, hiburan & rekreasi dan pengangkutan. Dengan perkembangan positif ini, akan dapat memacu proses pemulihan ekonomi pada bulan-bulan akan datang, namun hal ini tidak mengambil kira varian COVID-19 yang baharu dan lebih berbahaya. Di samping itu, melalui Belanjawan 2022 yang turut memberi tumpuan terhadap pemulihan pasaran buruh, antara lainnya dengan mengembalikan keupayaan perniagaan, menjana dan mengekalkan pekerjaan serta meningkatkan perlindungan sosial, dijangka akan dapat menyokong perniagaan begitu juga dengan golongan pekerja, sekaligus mempercepatkan pemulihan pasaran buruh.”


Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bincian, sila hubungi DOSM di talian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Pengangguran, Malaysia, Januari 2020 - Oktober 2021



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 08 Disember 2021

Carta 2: Kadar pengangguran, Malaysia, Januari 2020 - Oktober 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

8 DISEMBER 2021



MEDIA STATEMENT
STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA,
OCTOBER 2021

Unemployment dipped to the lowest rate since April 2020 to record 4.3 per cent in October 2021

PUTRAJAYA, 8 December 2021 – Unemployment dipped to the lowest rate since April 2020 to record 4.3 per cent in October 2021, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on Statistics of Labour Force, Malaysia, October 2021. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, “The continuous resumption of more economic and social & recreation activities led the labour force situation to remain stable in October 2021. This was reflected by the higher number of employment during the month while unemployment was on a declining trend. In October 2021, most of the states had moved into Phase 4 of the National Recovery Plan (NRP) with the overall increasing vaccination rate, while the number of daily COVID-19 cases is showing a sign of declining. These good headways have steered further resumption of economic activities including the permission of inter-state travel. In addition, more domestic tourist destinations are opened to fully-vaccinated individuals, hence fostering more travelling and domestic tourism activities during the month.”

Commenting further, the Chief Statistician said, “In line with this, the upward trend of employed persons persisted during October 2021 by registering an addition of 0.6 per cent month-on-month to 15.55 million persons (September 2021: 15.46 million persons) with the employment-to-population ratio went up by 0.3 percentage points to record 65.8 per cent (September 2021: 65.5%). Meanwhile, the number of unemployed persons continued to lessen by 3.4 per cent recording 705.0 thousand unemployed persons (September 2021: 729.6 thousand persons). Although the number of unemployed persons was on a declining trend, it remained relatively higher than the pre-pandemic period. Unemployment in October 2021 dipped to the lowest rate since April 2020 to record 4.3 per cent (September 2021: 4.5%; April 2020: 5.0%; March 2020: 3.9%). Consequently, the number of labour force in October 2021 gained by 0.4 per cent month-on-month to record 16.26 million persons (September 2021: 16.19 million persons) with the labour force participation rate stepped up further by 0.2 percentage points to 68.8 per cent (September 2021: 68.6%).”

In terms of employment by economic sector, the number of employed persons in Services sector continued to trend up particularly in Wholesale and retail trade; Food & beverages services; Information & communication and Transport & storage activities. Similarly, the employment in Manufacturing and Construction sectors remained positive for the third month whereas Agriculture and Mining & Quarrying sectors were still on a decreasing trend.

By status in employment, the employees' category which made up 77.0 per cent of total employed persons sustained the positive growth in October 2021 by 0.4 per cent to register 11.97 million persons (September 2021: 11.93 million persons). Likewise, the own-account workers category which consists mostly of daily income earners working as small business operators as well as smallholders, risen by 1.4 per cent to 2.61 million persons (September 2021: 2.57 million persons). The encouraging month-on-month changes in both employment categories reflected the positive impact of the resumption of economic activities and the lifting of the inter-state travel ban during the month.

Elaborating further on the unemployment situation in October 2021, he said, "From the total number of unemployed persons during the month, 83.6 per cent were the actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs. This group recorded a decrease of 3.5 per cent to 589.5 thousand persons (September 2021: 611.0 thousand persons). In terms of the duration of unemployment, the unemployed persons for less than three months encompassed 55.5 per cent while those who were in long-term unemployment of more than a year was 7.8 per cent. As for the inactively unemployed who believed that there were no jobs available, it decreased by 2.7 per cent month-on-month to record 115.4 thousand persons (September 2021: 118.7 thousand persons). Meanwhile, the youth unemployment rate for aged 15 to 24 years stood at 13.9 per cent for the third month, whereas the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years recorded a fall of 0.4 percentage points month-on-month to 8.1 per cent in October 2021 (September 2021: 8.5%)."

As for the inactivity group, the number of outside labour force decreased by 0.6 per cent to register 7.36 million persons (September 2021: 7.41 million persons). The largest composition of outside labour force was due to schooling/ training which comprised of 42.6 per cent and followed by housework/ family responsibilities category with a share of 40.7 per cent.

Concluding the overall labour force situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The implementation of the NRP has accelerated the vaccination process among Malaysia's population. In line with this, most of the states were shifted to Phase 4 of the NRP, thus enabling more economic and social & recreational activities to resume. Furthermore, the relaxation of the inter-state travel is anticipated to bring a positive influence to the domestic tourism-related industry including arts, entertainment &

recreational and transportation activities to regain the business momentum. With these positive progresses, may steer the recovery process of the economy in the upcoming months, not considering the new and more lethal COVID-19 variants. Additionally, through the Budget 2022 which also focuses on rejuvenating the labour market, among others by restoring business capabilities, generating and retaining jobs as well as increase social protection, may support the businesses as well as employees, hence accelerating the recovery of the labour market.”

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88 -7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, January 2020 - October 2021





Chart 2: Unemployment rate, Malaysia, January 2020 - October 2021



Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 DECEMBER 2021**